



TAKLIMAT

**JAWATANKUASA DISIPLIN DAN TATATERTIB
PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA**



PENDAHULUAN

- ❑ **DISIPLIN DAN TATATERTIB TIDAK BOLEH DIPISAHKAN DALAM SESUATU ORGANISASI ATAU PERSATUAN.**
- ❑ **DISIPLIN DAN TATATERTIB MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MEMBENTUK PERILAKU DAN SAHSIAH YANG BAIK DALAM KALANGAN PEMIMPIN DAN AHLI PENGAKAP.**
- ❑ **ADALAH MENJADI TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI SESEORANG KETUA UNTUK MEMASTIKAN PERILAKU DAN SAHSIAH DI DALAM KALANGAN PEMIMPIN DAN AHLI PENGAKAP SENTIASA TERKAWAL DAN TIDAK MELANGGAR UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN ARAHAN YANG DIKELUARKAN TERMASUKLAH PEMATUHAN POLISI SELAMAT DARI BAHAYA (SAFE FROM HARM).**





AKTA DAN PERATURAN BERKAITAN KESALAHAN UNDANG – UNDANG, DISIPLIN DAN TATATERTIB

- ✓ **AKTA 748 – Akta Persekutuan Pengakap – Pengakap Malaysia (Pemerbadanan) 1968**
 - ***Seksyen 13 – Pemilikan dan sekatan mengenai penggunaan lencana Pengakap, dsb.***
- ✓ **Prosedur Organisasi dan Peraturan (POR) Persekutuan Pengakap Malaysia (Pindaan 2010)**
- ✓ **Peraturan- Peraturan Kelakuan dan Tatatertib Persekutuan Pengakap Malaysia 2023**
- ✓ **Peraturan Polisi “Selamat Dari Bahaya (Safe From Harm)”**



- ❑ **SEKIRANYA TERDAPATNYA PENGADUAN DARI TENTANG BERLAKUNYA PELANGGARAN DISIPLIN DAN TATATERTIB, TINDAKAN SEGERA HENDAKLAH DIAMBIL OLEH KETUA PESURUHJAYA PENGAKAP NEGERI BAGI MENANGANI MASALAH INI.**
- ❑ **SETELAH MENERIMA ADUAN PELANGGARAN DISIPLIN DAN TATATERTIB, PEMAKLUMAN HENDAKLAH DIKEMUKAKAN KEPADA IBU PEJABAT MENGENAI ADUAN INI DENGAN MENYATAKAN TINDAKAN YANG AKAN / TELAH DIAMBIL. PADA MASA SAMA, PENGADU JUGA PERLU DIMAKLUMKAN BAHAWA PENGADUAN BELIAU DALAM TINDAKAN.**
- ❑ **JIKA ADUAN MERUPAKAN KESALAHAN YANG BERAT / SERIUS, LEMBAGA DISIPLIN DAN TATATERTIB PERINGKAT NEGERI HENDAKLAH DITUBUHKAN UNTUK MENYIASAT ADUAN INI DENGAN MEMBUKA SATU KERTAS SIASATAN BAGI MENGUMPUL MAKLUMAT DAN KETERANGAN DARIPADA MANGSA DAN SAKSI-SAKSI YANG BERKAITAN.**




- ❑ **SEKIRANYA KES YANG DIADUKAN ITU MEMERLUKAN PENGGANTUNGAN PERKHIDMATAN PEMEGANG TAULIAH SEMASA SIASATAN DIJALANKAN, MAKA KETUA PESURUHJAYA PENGAKAP NEGERI BERKUASA BERBUAT DEMIKIAN MENGIKUT **PERATURAN 79(1)** PROSEDUR ORGANISASI DAN PERATURAN (POR) 2010. PEMAKLUMAN HENDAKLAH DIKEMUKAKAN KE IBU PEJABAT PPM DENGAN MENYATAKAN ALASAN PENGGANTUNGAN DILAKUKAN. ★**
- ❑ **ORANG YANG DISIASAT (OYDS) HENDAKLAH DIMAKLUMKAN TENTANG PENGGANTUNGAN INI DAN PERLU AKUR KEPADA **PERATURAN 80** POR 2010.**
- ❑ **LEMBAGA DISIPLIN DAN TATATERTIB PERINGKAT NEGERI YANG DITUBUHKAN HENDAKLAH MENGEMUKAKAN LAPORAN AWAL SIASATAN DALAM TEMPOH EMPAT BELAS (14) HARI DARI TARIKH LANTIKAN KEPADA KETUA PESURUHJAYA PENGAKAP NEGERI DAN SETERUSNYA DIPANJANG KE IBU PEJABAT UNTUK PENGETAHUAN.**



- ❑ SIASATAN MESTI DISELESAIKAN DALAM TEMPOH 30 HARI. SEKIRANYA SIASATAN PERLU DILANJUTKAN PERMOHONAN HENDAKLAH DIMAJUKAN KEPADA KETUA PESURUHJAYA PENGAKAP NEGERI UNTUK KELULUSAN.**
- ❑ ORANG YANG DISIASAT(OYDS) PERLU DIBERI PELUANG UNTUK MEMBELA DIRI SAMADA MELALUI SURAT REPRESENTASI ATAU DIBAWA BERSEMUKA DENGAN LEMBAGA DISIPLIN DAN TATATERTIB SEBELUM KEPUTUSAN AKHIR DIKELUARKAN.**
- ❑ SETELAH MENERIMA HASIL SIASATAN, KETUA PESURUHJAYA PENGAKAP NEGERI BOLEH MENGENAKAN HUKUMAN SETIMPAL DENGAN KESALAHAN. BAGAIMANAPUN, JIKA PELANGGARAN DISIPLIN DAN TATATERTIB ITU SESUATU YANG AMAT BERAT / SERIUS DAN MEMERLUKAN KEPUTUSAN IBU PEJABAT PPM, MAKA KERTAS SIASATAN HENDAKLAH DIMAJUKAN KEPADA Pengerusi Lembaga Disiplin dan Tatatertib PPM untuk dikaji dan dirujuk kepada KPPN / KPN untuk tindakan lanjut.**



CARTA ALIRAN (FLOW CHART)





**CADANGAN KEANGGOTAAN LEMBAGA
DISIPLIN DAN TATATERTIB NEGERI**

PENGERUSI

Pengerusi Majlis Pengakap Negeri @ Timbalan Pengerusi

ATAU

Pen Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri

SETIAUSAHA

Pesuruhjaya Pengakap Daerah

AHLI

3 orang ahli yang dilantik



TAMAT

TERIMA KASIH



KUASA PENGANTUNGAN PERKHIDMATAN PEMEGANG TAULIAH

❑ OLEH KETUA PESURUHJAYA PENGAKAP NEGARA *

- 1. Timbalan – Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara**
- 2. Penolong - Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara**
- 3. Pesuruhjaya – Pesuruhjaya Negara / Kebangsaan**
- 4. Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri**

❑ OLEH KETUA PESURUHJAYA PENGAKAP NEGERI

- 1. Penolong - Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri**
- 2. Pesuruhjaya - Pesuruhjaya Pengakap Daerah**
- 3. Penolong - Penolong Pesuruhjaya Pengakap Daerah**
- 4. Pemimpin - Pemimpin Pengakap**

** Setelah berbincang dengan Ketua Pengakap Negara*

Peraturan 79 (1) POR 2010



TUGAS KAWALAN DAN PENGAWASAN TATATERTIB

- ❑ **13 (1) Adalah menjadi tugas tiap – tiap pegawai untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tetatertib ke atas pegawai bawahannya dan mengambil tindakan yang sesuai dalam tiap-tiap hal pelanggaran mana-mana peruntukan Peraturan – peraturan ini.**

- ❑ **13 (2) Seseorang pegawai yang tidak menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai bawahannya yang melakukan pelanggaran tatatertib, hendaklah disifatkan CUAL dalam melaksanakan tugasnya dan tidak bertanggungjawab, dan dia BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB.**



**Peraturan - Peraturan
Kelakuan dan Tatatertib 2023**